


PERMAINAN
MASA LAPANG
MALAYSIA

BUKU (2)

M
798.09


Diterbitkan oleh

LEMBAGA PERPADUAN NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI
DENGAN KERJASAMA KEMENTERIAN PELAJARAN,
MUZIUM NEGARA DAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN



KANDUNGAN

	Mukasurat	Page
Kata Pengantar	vii	
Pendahuluan	ix	
PERMAINAN MASA LAPANG		
1. Main Acikai Duduk (Chasing Game)	1	51
2. Main Batik Lampung	3	53
3. Main Bebat Lengan	6	56
4. Main Bilah (Stick Game) ①	8	58
× 5. Main Binatang (Animals of the Year)	10	60
6. Main Gelek Para	15	65
7. Main Gelek Tempurung	19	69
8. Main Kang Kong (Throwing the Tin) ②	25	75
9. Main Konda-Kondi ②	28	78
10. Main Libak	33	83
11. Main Memutar Pinggan (Plate Spinning)	35	85
12. Main "Rounders"	37	87
13. Main Taji Biji Durian	40	90
14. Mencari Sudut (Finding a Corner)	42	92
15. Sisip	44	94
LAMPIRAN	46	96



PENASIHAT

Y.A.B. Tun V.T. Sambanthan

Y.M. Raja Zainal Abidin b. Zahid

SIDANG PENGARANG

Ainul Adnan bin Abdul Rahman

Mohd. Zulkifli bin Hj. A. Aziz

Lim Meng Ah

Ahmad bin Abdul Latif

Ooi Chooi Seng

Mohd bin Md. Tahir

Mohd. Ishak b. Abdul Aziz

Chin Siew Foong

Fadhiah bte Abdul Latif

Edmund bin Kurui

Margaret Ho Poh Yeok

Patrick David

Tham Ah Fun

KATA PENGHANTAR

Kami berasa bangga kerana dapat mengeluarkan buku terbitan kedua ini dalam siri buku-buku mengenai permainan masa lapang di Malaysia.

Daripada maklumat balas yang kami terima, adalah didapati siri ini terbukti berfaedah kepada murid-murid sekolah dan juga pemuda-pemudi yang berminat dalam permainan masa lapang.

Buku ini mengandungi lima belas jenis permainan, termasuk enam jenis yang berasal dari Sarawak. Kami berharap dalam terbitan yang kemudian, permainan-permainan masa lapang di Sabah boleh diliputi.

Bagi pihak Lembaga Perpaduan Negara, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli Sidang Pengarang yang telah menyumbangkan masa dan tenaga untuk menyiapkan buku ini.



(TUN V.T. SAMBANTHAN)

24hb. Oktober, 1978.




PENDAHULUAN

Buku ini ialah terbitan kedua dalam usaha Lembaga Perpaduan Negara menyusun satu siri buku-buku Permainan Masa Lapang Malaysia.

Permainan-permainan yang dimuat dalam buku ini ialah terpilih daripada permainan-permainan di kalangan masyarakat Malaysia. Di antara lima belas jenis permainan yang terkandung dalam buku ini, enam daripadanya berasal dari Sarawak iaitu Main Batik Lampung, Main Bebat Lengan, Main Libak, Main Memutar Pinggan, Sisip dan Main Bilah.

Tujuan buku ini ialah untuk memperkenalkan kembali kepada orang ramai tentang kekayaan kebudayaan negara ini dalam bidang permainan masa lapang.

Permainan-permainan yang terkandung dalam buku ini ada berbagai-bagai ragam dan berbeza-beza dari satu daerah ke satu daerah. Sidang Pengarang buku ini suka menegaskan di sini bahawa cara bermain yang disebutkan dalam buku ini bukanlah satu-satunya sahaja cara permainan itu dimainkan. Cara bermain yang paling mudah telah dipilih. Semoga pembaca-pembaca tidak akan menghadapi sebarang kesukaran untuk memahami dan mencuba permainan-permainan itu.



MAIN ACIKAI DUDUK

Ini ialah satu permainan luar, iaitu permainan berlari dan menangkap yang dimainkan oleh budak-budak terutama sekali di Melaka.

Bilangan Pemain-pemain:

4 hingga 5 orang.

Alatan/Bahan-bahan:

Tiada.

Tempat Bermain:


Mana-mana kawasan lapang. Permainan ini dimainkan di sekitar suatu kawasan yang terhad.

Tujuan:

Mengelakkan dari kena tangkap oleh pengejar.

Cara Bermain:

- (1) Pemain-pemain memutuskan siapa menjadi pengejar melalui Cara Mengundi (Lampiran);
- (2) Setelah pengejar ditetapkan, pengejar cuba menangkap mana-mana pemain yang lain dan mereka itu lari daripada pengejar itu;



- (3) Jika seorang pemain mendapati yang ia hampir-hampir dapat kena tangkap oleh pengejar dia menyelamatkan dirinya dengan duduk bertinggung;
- (4) Lain-lain pemain boleh menyelamatkan seorang pemain yang sedang bertinggung dengan menyentuhnya;
- (5) Seorang pemain yang dapat ditangkap oleh pengejar, kena menjadi pengejar pula.

BATIK LAMPUNG

Permainan masa lapang yang digemari di Sarawak biasanya dimainkan antara 2 orang untuk menguji kekuatan antara kedua. Permainan ini biasanya dimainkan oleh lelaki.

Bilangan Pemain-pemain:

2 orang.

Alatan/Bahan-bahan:

Sebatang kayu panjangnya 2 kaki.

Tujuan:


Untuk menarik lawannya dari tempat duduknya.

Cara Bermain:

- (1) Pemain-pemain hendaklah duduk menghadap satu sama lain dengan kaki belunjur supaya tapak kaki kedua pemain bertemu seperti yang ditunjukkan dengan ilustrasi di bawah ini.



- (2) Mereka sama-sama memegang kayu dan apabila isyarat untuk bermula diberi pemain-pemain cuba menarik lawannya dari tempat duduknya.




- (3) Kedua-dua belah kaki pemain-pemain hendaklah sentiasa belunjur lurus, jika tidak dia dikira kalah.



- (4) Pemain-pemain hendaklah memegang kayu selama permainan dijalankan.

- (5) Seseorang pemain itu kalah apabila ia terangkat dari tempat duduknya dan keputusan siapa pemenangnya diambil selepas 3 kali bermain.



BEBAT LENGAN

Satu lagi permainan dari Sarawak ialah main Bebat Lengan yang mana kedua-dua pemain menguji kekuatan lengan masing-masing. Permainan ini biasanya dimainkan oleh lelaki.

Bilangan Pemain-pemain:

2 orang.

Alatan/Bahan-bahan:

Tiada.

Tujuan:

Untuk menekan ke bawah lengan lawan.

Cara Bermain:

- (1) Kedua-dua pemain meletakkan siku masing-masing di atas tikar atau meja.
- (2) Siku hendaklah ditegakkan dalam keadaan yang betul seperti yang ditunjukkan dalam ilustrasi di bawah ini dan pemain-pemain hendaklah menggenggam tangan antara satu sama lain.



- (3) Seorang pengadil mengira satu dua tiga sebagai isyarat memulakan permainan itu.

- (4) Kedua-dua pemain hendaklah memastikan bahawa siku masing-masing tidak bergerak semasa permainan dijalankan.
- (5) Seseorang pemain yang lengannya jatuh ke atas tikar atau meja dikira kalah setelah 3 kali bermain.



MAIN BILAH

Permainan ini dinamakan permainan bilah kerana tujuannya ialah untuk memungut seberapa banyak bilah yang boleh. Permainan ini memerlukan orang yang cermat untuk bermain dan dikenali sebagai permainan dalam rumah yang diminati oleh gadis-gadis. Biasanya permainan ini dimainkan oleh budak-budak sekolah di Sarikei, Sarawak.

Bilangan Pemain-pemain:

2 hingga 5 orang.

Alatan/Bahan-bahan:

100 batang bilah yang lurus, kecil, bulat dan kira-kira 8 inci panjang.

Tujuan:

Memungut seberapa banyak bilah yang boleh.

Cara Bermain:

- (1) Cara Mengundi (Lampiran) ditetapkan oleh pemain-pemain;
- (2) Pemain pertama yang memulakan permainan akan memegang seberapa banyak bilah yang boleh dari 100 batang bilah yang ada;



- (3) Bilah tersebut dipegang tegak sementara tangan yang sebelah lagi memilih sebatang bilah dari tengah-tengah borkas bilah tadi dengan hanya menggunakan ibu jari dan jari telunjuk sahaja;
- (4) Pemain kemudiannya melepaskan borkas bilah-bilah sementara bilah tengah tadi masih dipegang oleh ibu jari dan jari telunjuk itu;
- (5) Borkas bilah tersebut jatuh ke tanah kecuali bilah tengah;
- (6) Dengan menggunakan bilah tengah pemain cuba memungut bilah yang di atas tanah seberapa banyak yang boleh;
- (7) Gilirannya berakhir apabila dia melakukan kesalahan seperti menggerakkan atau menguis bilah yang berhampiran ketika dia cuba menjentek dan menyambut bilah-bilah yang di atas tanah tadi;
- (8) Pemain kedua memulakan permainan dengan cara (3) dan cuba memungut semua bilah yang ada;
- (9) Pemenangnya ialah pemain yang berjaya memungut bilah yang paling banyak.

MAIN BINATANG

Permainan ini ialah permainan lompat-lompat yang dimainkan oleh kanak-kanak.

Bilangan Pemain-pemain:

3 hingga 8 orang

Alatan/Bahan-bahan:

Tidak ada.

Tujuan:


Melompat berbagai-bagai cara ikut aturan dengan jaya.

Cara Bermain:

"Mangsa pemain" adalah ditentukan selepas diputuskan Cara Mengundi (Lampiran).

Kedudukan 1:

"Mangsa pemain" duduk belunjur dan pemain-pemain yang lain melompat melangkauinya.




Kedudukan 2:

Untuk lompatan yang kedua "mangsa pemain" hendaklah menindihkan kakinya satu di atas dan satu lagi di bawah dengan masih lagi duduk belunjur.


Kedudukan 3:

Sekarang satu tangan diletakkan ke atas 2 kaki itu dengan meletakkan jari kelingking di atas ibu jari kaki yang di atas dengan masih lagi duduk belunjur.



Kedudukan 4:

Sekarang jari kelingking tangan yang sebelah lagi diletakkan ke atas ibu jari tangan yang di bawah.




Kedudukan 5:

“Mangsa pemain” duduk bersila membelakang kepada pemain dan pemain-pemain hendaklah melompat melangkaui kepalanya tanpa menyentuh bahu “mangsa pemain”.

Kedudukan 6:

“Mangsa pemain” duduk bertinggung dengan tapak kakinya rata di atas tanah, dan pemain-pemain yang lain hendaklah melompat melangkaui kepalanya tanpa menyentuh mana-mana bahagian badannya.



Kedudukan 7:

“Mangsa pemain” berdiri dan membongkok ke hadapan seperti kedudukan lompat katak. “Mangsa pemain” memberitahu pemain-pemain yang lain bahagian mana badannya tidak boleh disentuh sama ada kepala atau buntutnya.



Peraturan Bermain:

- (1) Kecuali lompatan terakhir, mana-mana pemain yang tersentuh kaki, tangan atau kepala "mangsa pemain" itu masa melompat ikut aturan hendaklah menggantikan tempat "mangsa pemain" dan permainan diteruskan semula.
- (2) Jika tidak seorang pun pemain-pemain itu tersentuh kepada "mangsa pemain" setelah melompatnya bergilir-gilir "mangsa pemain" akan mengejar pemain-pemain dan pemain yang kena tangkap akan menjadi "mangsa pemain" seterusnya.

MAIN GELEK PARA


Permainan ini adalah satu permainan di luar rumah yang boleh dimainkan samada antara orang perseorangan atau antara 2 pasukan yang berlawanan. Tiap-tiap seorang pemain, dengan menggunakan satu tempurung mencuba kebolehannya menjatuhkan palung buluh berisi buah pinang; akan tetapi lain-lain bahan yang serupa boleh juga digunakan jika buah pinang tiada boleh didapati. Sesiapa yang berjaya menjatuhkan palung itu akan mendapat semua buah pinang yang tercampak keluar.

Bilangan Pemain-pemain:


6 hingga 10 orang.

Alatan/Bahan-bahan:

- (1) Tiap-tiap seorang pemain ada mempunyai sebelah tempurung kelapa yang berlubang di tengahnya, berukuran 4" garis pusat.



- (2) Sebatang buluh yang panjangnya 4 hingga 5 kaki dengan buku dalamnya dibuangkan.
- (3) Satu pasang tempurung sebagai tungku digunakan untuk tempat meletakkan palung buluh itu.
- (4) Buah pinang



Tujuan:

Menjatuhkan palung untuk mendapatkan sebanyak-banyak buah pinang.

Cara Bermain:

- (1) Suatu gelanggang empat persegi ABCD 40 kaki ditanda di tanah sebagaimana ditunjukkan dalam rajah di atas. Garisan EF dibuat sedalam kira-kira 2 inci, panjangnya 18 inci sebagai tanda "tempat air". Pada tengah-tengah garisan BC paluang buluh itu diletakkan di atas 2 tempurung, tiap-tiap satu di hujung palung itu.
- (2) Jika permainan itu dimainkan oleh 6 orang, tiap-tiap se-orang pemain bertaruh beberapa biji buah pinang mengikut persetujuan mereka. Jika mereka bersetuju bertaruh 30 biji buah pinang tiap-tiap seorang pemain, bagi 6 orang pemain jumlahnya ialah 180 biji buah pinang. Palung itu diisi sepanjangnya dengan buah pinang dan yang lebihnya dilonggokkan di satu hujung palung itu.

- (3) Untuk menentukan siapa yang mula-mula sekali menggelek tempurung, mana-mana pemain boleh mencuba menggelek tempurungnya. Pemain meletakkan ibu jari kakinya atas "tempat air", garisan EF, dan membuang tempurungnya ke luar empat persegi supaya tempurung itu jatuh betul-betul di luar garisan AD.
- (4) Jika tempurung itu jatuh di dalam gelanggang ia diberi peluang membuang sekali lagi. Jika ia gagal lagi ia akan terkeluar dari giliran membuang bagi pusingan itu.
- (5) Katakanlah kesemua 6 pemain telah cuba membuang dan letak 6 tempurung itu adalah seperti dalam rajah, maka tiap-tiap pemain akan mengambil tempurungnya dan menanda tempat masing-masing. Dari rajah itu letak tempurung kepunyaan pemain No. 4 adalah yang jauh sekali dari garis AD diikuti oleh tempurung pemain No. 2, 1, 5, 6 dan 3.
- (6) Oleh kerana tempurung No. 4 adalah yang jauh sekali dari garisan AD, pemain No. 4 mula-mula menggelekan tempurungnya.
- (7) Dengan berdiri di tempatnya dan membelakangkan palung, ia meletakkan tempurung itu antara 2 tumitnya dan menyepak tempurung itu menuju sasaran.
- (8) Jika ia seorang pemain yang baik, tempurung itu akan menggoncang atau menyebabkan palung itu terbalik dan ia memungut buah pinang yang tercampak keluar.
- (9) Palung buluh itu diletakkan semula ke tempat asalnya dan diisi dengan buah pinang yang sama banyaknya dengan yang didapati oleh pemain No. 4.
- (10) Kemudian, pemain No. 2 akan mencuba kebolehannya dan diikuti oleh pemain No. 1 dan seterusnya sehingga semua orang telah mencuba kebolehan masing-masing.
- (11) Pusingan bermain yang kemudiannya bermula selepas semua pemain telah mencuba kebolehan mereka.

- (12) Apabila buah-buah itu terkeluar kerana tempurung itu kena pada tungku, pemain berkenaan tidak dibenarkan mengutip buah-buah itu. Buah-buah itu dimasukkan semula ke dalam palung dan pemain yang tiba gilirannya pula mencuba kebolehannya.
- (13) Pemain yang banyak sekali mendapat buah pinang ialah pemain yang menang.


Ragam:

Jika permainan itu adalah antara 2 pasukan, buah-buah pinang kepunyaan tiap-tiap pasukan dilonggokkan di satu bahagian hujung palung buluh dan apabila ia berjaya menjatuhkan palung itu, bertambah besarlah longgok buah-buah untuk pasukannya.

Permainan ini boleh dimainkan di antara 2 orang atau antara 2 pasukan. Apabila buah-buah pinang seseorang atau sesuatu pasukan itu habis, tidaklah bermakna permainan itu tamat. Pasukan yang kalah boleh meminjam atau membeli buah pinang daripada pasukan yang menang atau daripada sesiapa juga yang ada buah-buah pinang.

MAIN GELEK TEMPURUNG

Permainan ini adalah suatu permainan lama yang dimainkan di Kelantan. Pada dasarnya permainan ini sama sahaja seperti permainan porok di Perak, Pulau Pinang dan Melaka.



Bilangan Pemain-pemain:

Dua pasukan, tiap-tiap satu pasukan mengandung 3 hingga 7 orang pemain.

Alatan/Bahan-bahan:

Tiap-tiap seorang pemain ada mempunyai sebelah tempurung kepala seperti yang digunakan dalam Main Gelek Para.

Tempat Bermain:

Suatu kawasan yang lapang dan rata. Permainan ini dimainkan dalam suatu kawasan yang terhad yang dipersetujui oleh kedua pasukan.

Tujuan:

Menuju kena tempurung-tempurung lawan mengikut 3 cara yang berlainan seperti yang direncanakan di bawah Cara Bermain.

Cara Mengundi:

Untuk memulakan permainan, 2 orang pemain, seorang dari satu-satu pasukan, mereka meletakkan tempurung mereka terlentang ditapak tangan dan melambungkan tempurung-tempurung itu ke atas. Jika kedua-dua tempurung itu jatuh tertelungkup atau pun terlentang, mereka akan melambungkan lagi tempurung-tempurung itu hingga satu tertelungkup dan yang satu lagi terlentang. Tempurung yang tertelungkup itu menang lambung.

Cara Bermain:


Katakanlah pasukan A dengan Pasukan B ada 5 orang pemain bagi tiap-tiap satu pasukan dan Pasukan A menang lambung. Semua pemain dalam Pasukan B hendaklah meletakkan tempurung-tempurung mereka terlentang sama jaraknya diatur lurus sejauh 2 kaki. Kelima-lima orang pemain itu berdiri di belakang tempurung mereka.

Pemain pertama dalam pasukan A iaitu A1 akan meletakkan tempurungnya terlentang pada "tempat air". Jarak dari "tempat air" ke garisan lurus tempat 5 tempurung diletakkan itu adalah ditetapkan terlebih dahulu.

Cara Pertama:

Al berdiri membelakangkan tempurung matalamat iaitu tempurung B1, meletakkan tempurung di celah kedua-dua tumitnya. Ia memandang ke belakang dan membidik, menggelekkkan tempurungnya menghala ke tempurung matalamat dengan menguisikan kakinya.






Jika A1 seorang yang pandai, tuju tempurungnya akan kena kepada tempurung matalamat. Kemudian daripada itu dia dibenarkan terus menuju keempat-empat buah tempurung yang tinggal iaitu tempurung B2, B3, B4, dan B5 dengan cara menguis dengan kakinya dari mana tempurungnya terletak.

Jika A1, tiada berjaya menuju tempurung B1, pemain kedua dari Pasukan A, iaitu A2, akan cuba menuju tempurung B2 dari "tempat air"; tetapi, jika A1 dapat mengenakan tempurung B1 dan B2, A2 akan cuba menuju tempurung B3 dan seterusnya.

Cara Kedua:

Dalam cara ini, seorang pemain itu dikehendaki pada mulanya menguisikan tempurungnya daripada "tempat air" dan tempurungnya itu hendaklah masuk dalam kawasan hidup (kawasan bergaris dalam rajah di atas) dan dari situ dengan membelakangkan tempurung matalamat, melentikkan badannya ke belakang dan menoleh ke belakang untuk menuju dan membuang tempurungnya supaya kena kepada tempurung matalamat.



Jika dia berjaya, dia boleh terus membuang tempurungnya seperti itu untuk menuju tempurung-tempurung yang lain itu.

Cara ketiga:

Seorang pemain, dengan tempurungnya di tangan, mendongakkan kepalanya ke atas dan berjalan dari "tempat air" ke tempurung matalamat, dia duduk bertinggung dan cuba menuju tempurung matalamat. Kepalanya mestilah sentiasa terdongak supaya dia tiada dapat melihat tempurung matalamat. Sungguhpun demikian dia dibenarkan mengukur jarak antara "tempat air" dengan tempurung matalamatnya dengan cara membilang berapa banyak langkahnya.

Tiap-tiap pemain hendaklah menuju matalamat yang ditetapkan baginya iaitu A1 kepada B1, A2 kepada B2 dan seterusnya. Tidak seperti kedua-dua cara yang pertama itu, seorang pemain tiada dibenarkan untuk terus menuju tempurung-tempurung yang lain.

Cara Mengira Mata:

Satu mata diberi kepada tiap-tiap satu cara permainan manakala semua tempurung lawan telah dikena dituju. Mana-mana pemain yang "mati" hendaklah terlebih dahulu dihidupkan semula sebelum cuba mendapatkan mata.

Peraturan-peraturan Permainan:

1. Semasa menguisikan tempurung, jika tempurung pemain tiada kena pada tempurung matalamat, dan tidak pula termasuk dalam kawasan hidup, maka dia hendaklah dikira "mati". Tambahan pula jika tempurungnya itu tertelungkup, lawannya boleh mengambil tempurung itu dan membalingkannya jauh supaya sukar baginya untuk menuju tempurung matalamatnya.
2. Dalam ketiga-tiga cara bermain itu, jika seorang pemain itu tiada berjaya setelah mencuba 3 kali, dia hendaklah dikira "mati".
3. Apabila seorang atau beberapa orang pemain telah dikira "mati", kawan-kawan pasukannya, seorang atau kesemuanya, akan cuba menghidupkan mereka semula dengan menuju kena semua tempurung lawannya. Hanya seorang pemain sahaja boleh dihidupkan pada satu-satu masa.
4. Jika matalamat yang salah kena tuju, keseluruhan pasukan itu dikira "mati".
5. Kedua-dua pasukan hendaklah bertukar tempat apabila pemain-pemain daripada satu pasukan itu dikira "mati" semuanya.

MAIN KANG-KONG

Banyak permainan-permainan masa lapang kita peraturan-peraturan dan cara-cara bermainnya adalah diturunkan dari mulut ke mulut dari satu keturunan ke satu keturunan. Lama-lama dengan cara itu asal-usul permainan itu kadang kalanya hilang dengan tiada diketahui lagi dan satu daripada permainan itu yang asalnya telah ghaib ialah permainan Kang-Kong.

Permainan Kang-Kong itu adalah lebih kurang sama juga dengan permainan sorok-sorok jika diperhatikan cara-cara bermainnya di mana seseorang itu mencari rakan-rakannya yang menyorok.

Bilangan Pemain-pemain:

5 orang atau lebih.

Alatan/Bahan-bahan:

- (1) Sebuah tin kosong yang sebesar tin susu pekat. Beberapa ketul batu dimasukkan ke dalam tin kosong itu. Mulut tin itu ditutup.
- (2) Satu bulatan dibuat di atas tanah dan besar bulatan ialah 2 kaki garis pusatnya dan tin diletakkan di tengah-tengah bulatan.

Tujuan:


Mencari pemain-pemain yang menyorok.

Cara Mengundi:

Pemain-pemain hendaklah menentukan siapakah orangnya yang kena menjadi pencari dengan menggunakan satu daripada Cara-cara Mengundi (Lampiran).

Cara Bermain:

- (1) Seorang daripada pemain-pemain itu memulakan permainan dengan berdiri di tengah-tengah bulatan, memegang tin dan kemudian membalingkan tin itu seberapa jauh yang boleh.



- (2) Pencari yang sama-sama dalam bulatan itu akan cuba mengambil tin dan pemain-pemain yang lain yang berdiri di keliling bulatan akan lari menyorokkan diri mereka sendiri di mana-mana tempat yang boleh.
- (3) Setelah mengambil tin, pencari itu meletakkan tin dalam bulatan itu semula dan mencari pemain-pemain yang menyorok.
- (4) Apabila pencari dapat mencari seseorang pemain yang menyorok, dia memanggil namanya dan menunjukkan tempat menyorok orang itu. Kemudian daripada itu pencari berlari semula dan menyentuh tin itu dengan kakinya.
- (5) Pemain yang namanya telah dipanggil itu tidak boleh bermain lagi kecuali dia boleh berkejar lebih cepat daripada pencari dan menyepakkan tin itu keluar daripada bulatan.
- (6) Pencari akan cuba mencari pemain-pemain yang lain dengan cara itu juga.
- (7) Sementara pencari sedang mencari pemain-pemain yang lain, seorang pemain yang sedang menyorok itu boleh berlari dengan pantas menyepakkan tin itu keluar daripada bulatan itu sebelum pencari dapat menyentuh tin itu dengan kakinya.



- (8) Jika tin itu disepak keluar daripada bulatan oleh mana-mana pemain yang menyorok itu, permainan dimulakan semula dengan pencari itu juga menjadi pencari.
- (9) Jika pencari berjaya mencari semua pemain yang menyorok itu, pemain yang pertama sekali didapati oleh pencari itu hendaklah menjadi pencari.
- (10) Jika pencari itu tidak berjaya, dia diangkat pada kakitangannya dan diletakkan di mana-mana tempat yang diputuskan oleh pemain-pemain yang lain. Kemudian daripada itu semua pemain itu berlari semula ke tempat bulatan dan pemain yang akhir sekali sampai ke tempat itu menjadi pencari pula.

Peringatan:

Jika pencari dapat mencari lebih daripada seorang pemain pada sesuatu ketika dia memanggil nama-nama mereka itu dan dengan serta merta berlari menyentuh tin dalam bulatan dengan kakinya.

MAIN KONDA-KONDI

Ini adalah satu permainan luar rumah bagi kanak-kanak Malaysia dan biasanya 2 pasukan akan bermain untuk berlawan antara satu sama lain.

Bilangan Pemain-pemain:

4 hingga 10 orang.

Alatan/Bahan-bahan:

Dua kerat kayu $\frac{1}{2}$ " hingga $\frac{3}{4}$ " ukuran garis pusatnya, sekerat kayu itu panjangnya 6" dan yang sekerat lagi panjangnya 1 $\frac{1}{2}$ kaki. Lubang yang berukuran 2" garis pusatnya dan 2" dalamnya dikorek pada tanah.


Tujuan:

Mendapatkan jumlah mata yang dipersetujukan terlebih dahulu antara 2 pasukan, samada 100, 200 atau 500 mata. Pasukan yang mula-mula sekali mendapatkan mata yang dipersetujukan dikira menang.



Cara Bermain:

1. Seorang pemain daripada pasukan yang mula-mula bermain, meletakkan kayu pendek melintang lubang dan menggunakan kayu panjang untuk menguitkan kayu pendek itu supaya melambung ke udara.
2. Ahli-ahli pasukan lawan cuba menyambut kayu pendek itu sebelum jatuh ke tanah.
3. Jika kayu pendek tidak dapat disambut oleh mana-mana ahli lawan sebelum ia jatuh ke tanah, ahli lawan hendaklah membalingkan semula kayu pendek ke dalam lubang. Jika kayu pendek itu masuk ke dalam lubang atau kena kepada kayu panjang yang diletakkan melintang lubang, pemain dikira "mati".



4. Jika kayu pendek jatuh ke tanah jauh dari lubang pemain mengambil kayu pendek dan membiarkan kayu pendek itu jatuh. Sementara kayu pendek jatuh ia hendaklah dipukul dengan kayu panjang.



5. Jika kayu pendek itu jatuh ke tanah dan pihak lawan tidak dapat menyambutnya, kiraan mata bagi pemain hendaklah diberikan.

Cara Mengira Mata:

1. Mata diberi kepada pemain mengikut jarak kayu pendek daripada lubang. Jauhnya diukur dengan kayu panjang yang mana 3 kali kayu pendek dan satu kayu panjang dikira 3 mata.
2. Jika pemain tidak puashati dengan pukulannya yang pertama ia boleh meminta memukul sekali lagi. Mata yang didapati pada pukulan yang kedua adalah digandakan dan mata yang didapati pada pukulan yang pertama tidak dikira.

3. Pemain boleh dibenarkan membuat pukulan ketiga, keempat atau kelima untuk mendapatkan mata dan tiap-tiap kali ia membuat pukulan matanya adalah digandakan seterusnya: misalnya, pukulan kedua, satu ukuran kayu panjang dikira 6 mata; pukulan ketiga, dikira 9 mata; pukulan keempat, dikira 12 mata; dan pukulan kelima, satu ukuran kayu panjang dikira 15 mata.

Peraturan Bermain:

1. Pada permulaan permainan jika lawan dapat menyambut kayu pendek sebelum ia jatuh ke tanah, pemain itu hendaklah dikira "mati" dan pemain kedua pasukan itu yang memulakan permainan itu meneruskan permainan semula.
2. Ahli-ahli pasukan lawan dibenarkan menyepak kayu pendek menghala ke lubang semasa kayu pendek itu sedang bergolek di atas tanah tetapi tidak boleh menyepaknya apabila kayu pendek itu setelah berhenti bergolek. Peraturan ini hendaklah dipatuhi sepanjang permainan, kecuali ketika seorang lawan membalikkan kayu pendek menuju ke kayu panjang.
3. Apabila seorang pemain gagal memukul 3 kali berturut-turut dia hendaklah dikira "mati". Tiap-tiap kali pemain gagal membuat pukulan lawannya akan mengambil kayu pendek itu di tempat kayu pendek itu jatuh dan meletakkannya di atas belakang tangannya. Kayu pendek itu dilambungkannya ke atas dan dipukul dengan tapak tangannya ke arah lubang.

Jika kayu pendek itu jatuh ke dalam lubang pemain hendaklah dikira "mati". Ahli-ahli pemain yang memukul bolehlah cuba menyambut kayu pendek yang telah dipukul dengan tapak tangan oleh lawannya. Jika kayu pendek itu dapat disambut kayu pendek itu boleh dibalingkan jauh-jauh. Ahli-ahli lawan boleh juga menyambut kayu pendek yang dibalingkan oleh pemain dan membalingkannya semula kepada lubang jika kayu pendek itu dapat mereka sambut.

Denda:

Permainan tamat apabila satu pasukan itu telah mendapat sebanyak-banyak mata yang telah dipersetujukan dan pasukan yang kalah hendaklah dikenakan denda seperti berikut:—

- (1) Pemenang pemain yang pertama berdiri dekat lubang dan memukul kayu pendek jauh-jauh. Dia akan berdiri di tempat kayu pendek itu jatuh dan memukul semula.
- (2) Tiap-tiap pemain yang menang boleh membuat pukulan seperti itu sebanyak 3 kali dengan meneruskan pukulan dari tempat di mana pemain yang pertama telah berhenti memukul.
- (3) Pasukan yang kalah kena membawa semula kayu pendek itu kepada lubang.
- (4) Semasa berlari membawa kayu pendek itu seorang pemain yang kalah kena menyebut kata-kata "Konda-Kondi".
- (5) Dia tidak dibenarkan menarik nafas semula; tetapi dia boleh buat isyarat kepada kawannya untuk menggantikannya berlari dan menyebut perkataan-perkataan itu bila dia berhabisan nafas.

Peringatan:

Pemain-pemain hendaklah berhati-hati apabila memukul kayu supaya tidak mencederakan pemain-pemain yang lain atau penuntun-penuntun.

MAIN LIBAK

Permainan 'Libak' adalah sejenis permainan kejar dan tangkap. Ia adalah permainan kanak-kanak Melanau yang terkenal di Sarawak, dimainkan oleh kanak-kanak yang sebaya kerana permainan ini memerlukan pemain-pemain yang mempunyai kekuatan yang sama. Jika seorang kanak-kanak lelaki atau perempuan yang turut bermain adalah lebih kuat, mengejar pemain-pemain lain, permainan ini akan berat sebelah kerana kanak-kanak tersebut akan mengalahkan pemain-pemain lain.

Bilangan Pemain-pemain:

5 orang atau lebih.

Tempat Bermain:

Di padang yang ada pokok-pokok atau dalam sebuah dewan yang luas dan bertiang-tiang atau mempunyai sudut-sudut.

Tujuan:

Menangkap seorang untuk dijadikan pengejar.

Cara Mengundi:

Pemain-pemain memutuskan siapa yang akan mengejar dengan menggunakan salah satu Cara Mengundi (Lampiran).



Cara Bermain:

- (1) Pemain yang menjadi pengejar akan mengejar pemain-pemain lain hingga dapat ditangkap dan dijadikan pengejar pula;
- (2) Pengejar tidak boleh menangkap pemain-pemain yang memegang tiang atau pokok. Oleh itu, jika dia terlalu dekat, pemain lain bolehlah menyelamatkan diri dengan memegang tiang atau pokok yang telah diatur terlebih dahulu sebelum memulakan permainan;
- (3) Satu lagi peraturan ialah pemain boleh menyelamatkan dirinya apabila ia telah terlampau letih dengan mengangkat kedua-dua belah tangannya dan berteriak "berhenti";
- (4) Sepanjang permainan tersebut, ia akan diusek oleh pemain-pemain lain supaya dia marah dan mengejar mereka.

MEMUTAR PINGGAN

Ini adalah suatu permainan yang dimainkan secara kumpulan oleh kanak-kanak dan pemuda-pemudi Melanau dan Bidayuh di Limbang, Sarawak. Salah seorang dari pemain memutarakan sebiji pinggan dalam sebuah bilik yang besar dan luas sementara seorang pemain yang lain cuba menangkap pinggan tersebut.

Bilangan Pemain-pemain:

Tidak kira berapa banyak.

Alatan/Bahan-bahan:

Sebiji pinggan.

Tujuan:

Menangkap pinggan sebelum ia berhenti berputar.

Cara Bermain:

- (1) Pemain-pemain mengambil tempat masing-masing dan melapangkan bahagian tengah bilik tersebut;
- (2) Salah seorang dari pemain berdiri di tengah-tengah dengan sebiji pinggan di tangannya;
- (3) Dia memutarakan pinggan di atas birainya ke atas lantai dan dengan serta merta memanggil nama salah seorang pemain yang ada di bilik;



- (4) Pemain yang telah dipanggil keluar cuba menangkap pinggan sebelum ia berhenti berputar;
- (5) Jika dia gagal dalam percubaannya dia didenda oleh kumpulan pemain dan gilirannya pula untuk memutar pinggan itu;
- (6) Ketika pinggan diputar dia memanggil salah seorang dari pemain yang lain dan permainan seperti itu diteruskan.

MAIN "ROUNDERS"

Permainan ini digemari oleh kanak-kanak sekolah rendah. Peraturan dan cara bermain yang diterangkan di bawah ini adalah satu daripada beberapa cara bermain. Ini adalah suatu permainan di luar dengan menggunakan sebuah bola tennis atau bola getah yang menghendaki kecergasan dan kepandaian melontar bola.


Bilangan Pemain-pemain:

Dua pasukan yang terdiri daripada 3 hingga 8 orang pemain bagi satu-satu pasukan.

Alatan/Bahan-bahan:

- (1) Lima landasan yang diletakkan di atas tanah sebagai tapak.
- (2) Sebuah bola tennis atau bola getah yang sebesar bola tennis.
- (3) Sebatang pemukul kayu.

Susunan 8 orang pemain bagi satu pasukan



- Landasan
- x Penjaga Padang
- o Pemukul/Pelari

Peringatan:

- (a) Jarak dari pelontar bola ke landasan permulaan biasanya ialah separuh daripada jarak antara dua landasan, tetapi selalunya jarak itu ditambah hingga lebih daripada separuh.
- (b) Jarak antara 2 landasan adalah berbeza kadang-kadang 6 ela dan kadang-kadang 8 ela.
- (c) Luas kawasan bermain boleh dikurangkan mengikut bilangan pemain.
- (d) Berlari keliling garis landasan tidak ikut pusingan jam.

Tujuan:

Mendapatkan seberapa banyak mata yang boleh.

Cara Bermain:

- (1) Pemain-pemain menubuhkan 2 pasukan.
- (2) Cara Mengundi (Lampiran) diputuskan dan pasukan yang mula bermain menjadi pasukan yang memukul bola.
- (3) Tiap-tiap pemukul cuba memukul bola yang dilontar kepadanya oleh seorang ahli pasukan lawan yang digelar "pelontar bola". Pemukul memukul bola seberapa jauh yang boleh dengan pemukul kayu, atau dengan tangan terenggam.
- (4) Penjaga-penjaga padang akan cuba menangkap bola sebelum bola jatuh ke tanah. Jika seorang penjaga padang berjaya menangkap bola, keseluruhan pasukan yang memukul bola dikira "mati" dan pasukan penjaga padang menjadi pasukan pemukul pula dan begitulah seterusnya.
- (5) Jika penjaga padang gagal menangkap bola, pemukul cuba berlari keliling garisan landasan untuk membuat satu pusingan. Apabila pemukul nampak seorang penjaga padang cuba hendak melontarkan bola kepadanya masa dia berlari dia boleh berhenti di mana-mana landasan yang hampir padanya, menyentuh landasan itu dengan mana-mana bahagian badannya. Dia hanya boleh berlari semula bila pemukul bola yang lain telah memukul bola.

- (6) Seorang pemukul boleh 'menghidupkan' ahli pasukannya yang telah 'mati' atau mendapat satu mata dengan membuat satu pusingan tidak berhenti-henti. Dengan cara itu, jika seorang pemukul boleh membuat 2 pusingan tidak berhenti-henti dalam satu pukulan bola, dia boleh 'menghidupkan' 2 orang ahli pasukannya yang telah "mati" atau mendapat 2 mata.
- (7) Pasukan yang menjadi penjaga padang boleh menjadi pasukan pemukul bola apabila tiap-tiap ahli pasukan pemukul bola itu telah "mati".

Peraturan-peraturan Permainan:

- (1) Giliran bagi satu-satu pasukan itu tamat samada seseorang penjaga padang dapat menyambut bola atau apabila tiap-tiap ahli pasukan pemukul bola telah "mati".
- (2) Tiap-tiap seorang ahli pasukan hanya boleh dibenarkan 3 kali sahaja cuba untuk memukul bola dalam satu giliran. Dia boleh menolak untuk memukul mana-mana bola yang tidak dilontar dengan baik.
- (3) Seseorang pemukul boleh dikira "mati":
 - (a) Jika dia gagal memukul bola setelah dicubanya 3 kali;
 - (b) Jika dia dapat memukul bola, tetapi bola terkena kepada mana-mana bahagian badannya dan bola itu jatuh ke tanah, selepas dipukulnya itu.
- (4) Seorang pelari dikira "mati":
 - (a) Jika seorang penjaga padang yang berdiri di atas landasan dapat menangkap bola sebelum pelari itu sampai ke landasan;
 - (b) Jika bola dilontarkan dan kena kepada landasan sebelum pelari sampai ke landasan;
 - (c) Jika penjaga padang dapat menangkap bola dan menyentuh landasan dengan bola atau mana-mana bahagian badannya sebelum pelari sampai ke landasan.

Cara Mengira Mata:

Seorang pemukul bola mendapat satu mata bagi pasukannya jika dia dapat berlari satu pusingan. Pasukan yang banyak mendapat matalah yang menang.

MAIN TAJI BIJI DURIAN


Permainan ini boleh dimainkan samada antara 2 orang atau antara 2 pasukan. Permainan Main Taji Biji Durian adalah meniru permainan laga ayam. Permainan tersebut biasanya dimainkan di Kelantan oleh kanak-kanak.

Bilangan Pemain-pemain:

- (1) Dua orang pemain bagi pertandingan antara orang perseorangan.
- (2) Bagi pertandingan antara 2 pasukan, 2 hingga 5 orang dalam satu pasukan.

Alatan/Bahan-bahan:

Satu taji diperbuat daripada bahagian bawah tempurung dengan puting sepanjang $2\frac{3}{4}$ inci sebagaimana terdapat di dalam ilustrasi di bawah ini. Puting itu dicucukkan, menembusi satu biji durian kering dan seutas tali dicucukkan menembusi biji durian itu. Panjang tali itu adalah mengikut ukuran yang difikirkan sesuai oleh pemain.



Tujuan:

Membelah dua taji lawannya.

Cara Bermain:

- (1) Dua pasukan ditubuhkan, Pasukan A dan Pasukan B dan seorang ketua dilantik bagi tiap-tiap satu pasukan.
- (2) Untuk menentukan pasukan mana yang akan mula bermain, kedua-dua ketua itu duduk bertinggung dan kedua-duanya serentak melambung taji-taji mereka tinggi sedikit. Ketua yang tajinya jatuh tercacak di tanah memulakan permainan itu dengan pasukannya.
- (3) Misalnya ada 4 orang pemain dalam satu pasukan dan Pasukan A kena mula bermain. Keempat-empat pemain dari Pasukan B akan meletakkan taji mereka di atas tanah.
- (4) Tiap-tiap seorang pemain dari Pasukan A bercangkung menghadap satu taji yang ada di hadapannya.
- (5) Dengan memegang kedua-dua hujung tali itu, pemain itu mula memusar taji arah ke hadapan, mula-mula perlahan dan kemudian semakin laju.
- (6) Semasa memusar tajinya ia menyebut kata-kata berikut:—

Taji tajak

Murai gila

Sekali aku tajak

Putus dua

- (7) Bila ia sampai kepada perkataan 'putus dua' ia akan memangkah taji lawannya. Jika ia seorang pemain yang cekap ia akan membelah dua taji lawannya dan mendapat satu mata untuk pasukannya.
- (8) Pasukan yang menang ialah pasukan yang banyak sekali mendapat mata.

Ragam:

Di Perak, taji itu diperbuat dari buluh dan pemain-pemainnya akan memusar tajinya dan dilagakan dengan taji lawanya. Kalau biji itu serpih, ia dikira kalah.

MENCARI SUDUT


Permainan ini biasanya dimainkan oleh kanak-kanak. Kawasan tempat bermain adalah dalam lingkungan 4 sudut sebagaimana yang ditunjukkan dalam rajah di bawah ini:—

Bilangan Pemain-pemain:

5 orang.

Alatan/Bahan-bahan:

Tiada.



Tujuan:

Menghalang "mangsa pemain" mendapatkan sesuatu sudut "Darat", "Laut" atau "Langit".

Cara Bermain:

- (1) Pemain-pemain memilih "mangsa pemain" mengikut Cara Mengundi (Lampiran).
- (2) "Mangsa pemain" berdiri di tengah-tengah kawasan tempat bermain seperti yang ditunjukkan dalam rajah.
- (3) Empat orang pemain yang lain itu berdiri di sudut empat segi itu.

- (4) Apabila semua pemain telah sedia "mangsa pemain" menyebut 'Ikut Darat' atau 'Ikut Laut' atau 'Ikut Langit' dan kesemua pemain itu hendaklah bertukar tempat.
- (5) "Mangsa pemain" cuba mendapatkan satu sudut yang kosong semasa pertukaran sedang dilakukan.
- (6) Jika seseorang "mangsa pemain" itu gagal mendapat satu-satu sudut hingga 3 kali panggilan, dia diangkat pada kakitangannya dan diletakkan di mana-mana tempat yang diputuskan oleh pemain-pemain itu. Kemudian mereka berlari semula ke sesuatu sudut dan pemain yang tidak mendapat sudut kena menjadi "mangsa pemain" seterusnya.

SISIP

Ini adalah salah satu permainan Melanau dari Sarawak yang dimainkan di kalangan kanak-kanak yang berumur di antara 7 hingga 11 tahun. Permainan ini boleh dimainkan samada di dalam atau di luar rumah kerana ia hanya memerlukan kawasan yang kecil sahaja. Kawasan permainan boleh jadi 6 kaki persegi atau kurang.

Bilangan Pemain-pemain:

5 orang atau lebih.

Alatan/Bahan-bahan:

Tiap-tiap pemain hendaklah mempunyai lidi, bilah atau batang rumput.

Cara Bermain:

- (1) Tiap-tiap pemain hendaklah menunjukkan lidinya kepada pemain-pemain lain sebelum memulakan permainan;
- (2) Pemain yang mendapat lidi yang paling pendek akan menjadi pencari yang pertama;
- (3) Pencari akan menutup matanya dengan tangan menghadap dinding atau pokok di luar kawasan permainan;
- (4) Pemain-pemain lain menyembunyikan lidi-lidi mereka dan selepas itu pencari akan mencari lidi-lidi tersebut;
- (5) Setelah dia menjumpai mana-mana lidi, pencari hendaklah menyatakan nama pemunya lidi itu.
- (6) Jika ia memberi nama yang salah ia akan diberi peluang untuk mencari lidi yang lain;
- (7) Jika dia gagal kali yang kedua, dia hendaklah keluar dari kawasan permainan dan menutup matanya sekali lagi;
- (8) Pemain-pemain lain bolehlah memindahkan lidi-lidi mereka ke tempat sembunyi yang lain.

- (9) Jika pencari boleh mendapatkan lidi dan memberi nama pemunya dengan betul, pemain itu menjadi pencari seterusnya.
- (10) Di akhir permainan, pemain yang berjaya menyembunyikan lidinya tanpa dapat dicari atau dicari jarang sekali adalah 'Raja' permainan tersebut.

CARA MENGUNDI

